

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI (KLUANG)**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Program Identiti Digital Nasional seperti berikut:

- (a) Keperluan program dan jenis perlindungan undang-undang bagi pengguna sekiranya berlaku penyalahgunaan atau kebocoran data memandangkan Kerajaan Negeri dan Persekutuan dikecualikan daripada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010; dan
- (b) Batasan-batasan yang akan dilaksanakan dari segi penggunaan dan skop data yang diperoleh

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Identiti Digital Nasional (IDN) merupakan antara inisiatif penting dalam usaha Kerajaan untuk memenuhi agenda transformasi digital negara. Ia adalah suatu platform pengenalan dan pengesahan yang dipercayai (*'Verifiable Platform of Trust'*) yang boleh dimanfaatkan oleh individu, sektor awam dan swasta untuk pengenalan dan pengesahan identiti pengguna secara digital semasa berurusan secara dalam talian melalui penggunaan teknologi biometrik terkini. Walau bagaimanapun, IDN tidak akan menggantikan penggunaan dan fungsi Kad

## **SOALAN NO : 42**

Pengenalan (MyKad) sebaliknya berfungsi memperkuatkan keselamatan MyKad sedia ada daripada sebarang pemalsuan.

Oleh kerana IDN merupakan satu inisiatif baharu Kerajaan, satu Majlis Identiti Digital Nasional dan beberapa jawatankuasa telah dibentuk bagi tujuan merangka pelaksanaan IDN iaitu Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Kerja Dasar dan Strategik serta Jawatankuasa Kerja Infrastruktur ICT. Jawatankuasa ini akan mengkaji, merangka dan membangunkan dasar, strategi dan infrastruktur ICT yang menyeluruh bagi melancarkan pelaksanaan IDN. Jawatankuasa ini juga akan melapor dan dipantau oleh Majlis Identiti Digital Nasional yang dipengerusikan oleh YB Menteri Dalam Negeri.

Proses perancangan dan pelaksanaan IDN bermula pada tahun ini dan dijangka dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2024. Pada masa ini, Jawatankuasa yang ditubuhkan **sedang memperhalusi akta-akta, peraturan dan arahan yang berkaitan** selaras dengan pelaksanaan IDN bagi memastikan data pengguna adalah selamat dan dilindungi sekiranya dikenalpasti berlakunya penyalahgunaan atau kebocoran data oleh mana-mana pihak.

Jawatankuasa ini juga **sedang mengkaji, merangka dan memperincikan penggunaan IDN dan juga skop data** yang akan terlibat agar dapat memenuhi objektif pelaksanaan untuk meningkatkan keselamatan, menambahbaik penyampaian perkhidmatan dan lebih memudahkan rakyat dalam mendapatkan mana-mana perkhidmatan secara digital.